



SIARAN MEDIA

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BATTLE OF THE ECO GREEN MUSICVIBES & AEROBATHON SEMPENA HARI ALAM SEKITAR NEGARA PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2019

**26 OKTOBER 2018 (SABTU)
THE SUMMER SHOPPING MALL, KOTA SAMARAHAN**

26 Oktober 2019, KOTA SAMARAHAN: Majlis Perasmian Program Battle Of The Eco Green Musicvibes & Aerobathon Sempena Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak 2019 pada hari ini di The Summer Mall Shopping Mall telah dirasmikan oleh Encik Ahmad Saiful Bin Salihin Pemangku Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak. Majlis dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad. Majlis turut dihadiri oleh wakil dari Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) dan pekajar-pelajar Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.

“*Hindari Plastik Sekali Guna*” merupakan tema Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini dengan slogan yang digunakan adalah “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama.

Sempena Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada tahun ini, Program *Battle Of The Ecogreenmusicvibes* dan Program *Battle Of The Ecogreenaerobathon* yang menekankan tema alam sekitar telah diadakan. Selain itu program *Household E-waste Take Back Programme* dengan kerjasama syarikat Shan Poornam Sdn. Bhd. dan aktiviti *plogging* juga turut diadakan bersama pelajar-pelajar dari Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak.

Selain itu, sempena HASN, pada 27 hingga 29 September 2019 telah diadakan program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) dengan kerjasama PETRONAS Carigali Sdn Bhd (Sarawak Gas) di Samalaju Resort Hotel, Bintulu yang melibatkan murid-murid dan guru dari 4 buah sekolah di sekitar Bintulu. Pada 4 hingga 5 Oktober 2019 pula, program Rakan Saintis Sungai (RSS) yang melibatkan murid-murid dan guru dari 5 buah sekolah di sekitar Kuching telah diadakan di Sumiran Ecocamp & Training Centre dan Loji Rawatan Air Batu Kitang dengan kerjasama Chemical Company Of Malaysia Bhd dan agensi-agensi lain seperti Lembaga Air Kuching (KWB), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB), Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (SRB) dan World Wide

Fund For Nature (WWF). Pelbagai aktiviti telah dijalankan dalam program-program ini di antaranya ceramah alam sekitar, kuiz alam sekitar, games alam sekitar, tayangan video, demonstrasi peralatan, lawatan sambil belajar dan perbincangan dan pertandingan berkumpulan.

Jabatan Alam Sekitar dalam usaha untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai pengurangan penggunaan plastik dan amalan kitar semula bagi memelihara alam sekitar. Malaysia telah mengikuti 60 buah negara-negara lain yang telah mewujudkan plan dan rangka bagi mengawal penggunaan '*single-use plastics*' iaitu "Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics 2018 – 2030".

Masalah alam sekitar berkaitan sisa plastik telah menjadi masalah utama di Malaysia di mana negara ini telah diberikan kedudukan ke 8 di antara 10 negara yang mempunyai pengurusan sisa plastik yang tidak terurus di dunia. Antara usaha yang boleh diambil bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna adalah mengurangkan atau menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik/ beg plastik dan straw plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam.

Selain sisa plastik, bahawa Jabatan Alam Sekitar juga turut mengadakan kempen pengumpulan buangan elektrik dan elektronik atau E-waste bagi mengelakkan ianya dari dilupuskan sewenang-wenangnya. E-waste memerlukan pengurusan yang lebih kompleks berbanding sisa pepejal yang biasa kerana ianya mempunyai komposisi logam-logam yang boleh mencemarkan sumber air dan kesihatan kita.

Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak amat menggalakkan dan mengalu-alukan penglibatan sektor korporat atau mana-mana pihak untuk mengadakan program bersama bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dan pembangunan lestari. Jalinan strategik di dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar antara Kerajaan dengan sektor korporat, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan masyarakat umum adalah selaras dengan slogan "Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama".